

Dakwah Pelestarian Alam Sekitar: Analisis terhadap Keperibadian dan Strategi Azizan Baharuddin*

Nor Aishah Abu Hassan♦
noraishah.1994@gmail.com.my

Nur Shahidah Paad*
shaaz2301@um.edu.my

Asmawati Muhamad*
asmawatimuhamad@um.edu.my

Abstract

In Islamic preaching, environmental sustainability is one of the vital aspects in order to achieve the well-being of life. Therefore, the involvement of religious groups or preachers is very crucial to curb problems of environmental sustainability based on the tenets of religion. Hence, using content and document analysis approach, this study is aimed at reviewing

-
- ♦ Calon Sarjana, Program Pengajian Islam dan Sains, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.
 - ❖ Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.
 - * (Corresponding author) Pensyarah Kanan (PhD), Program Pengajian Islam dan Sains, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.
 - Semua penulis terlibat dalam memikirkan idea, menganalisis data dan rangka kerja untuk artikel ini. Nor Aishah Abu Hassan mengetuai penulisan artikel ini. Nur Shahidah Paad menyumbang idea dalam kerangka hasil perspektif dakwah, manakala Asmawati Muhamad menyumbang input dari perspektif Islam dan kelestarian alam sekitar.

the *da'wah* approach of environmental sustainability addressed by Azizan Baharuddin in calling Muslims to adopt environmental ethics and sustainability from Islamic teachings. The results found that Azizan Baharuddin's *da'wah* strategies towards environmental sustainability are dominated by the cultivating of knowledge and network of cooperation with stakeholders. Therefore, in order to spread the awareness of environmental sustainability based on Islamic teachings among Muslims, Islamic preachers should emulate the personality and *da'wah* approach applied by Azizan Baharuddin who promotes it holistically and effectively.

Keywords

da'wah, environmental sustainability, preacher, Islamic environmentalist

Pendahuluan

Dakwah berteraskan pelestarian alam sekitar merujuk kepada usaha mengajak dan menyeru insan untuk melakukan kebaikan terhadap alam sekitar dengan memelihara, memulihara dan mencintai alam sekitar.¹ Selain itu, menyeru insan mengelakkan diri daripada perbuatan memusnahkan persekitaran,² mencegah kerosakan alam dan monopoli sumber,³ mengamalkan budaya hidup lestari dalam urusan kehidupan⁴ serta memperkasakan institusi agama seperti masjid ke arah

1. Anna M Gade, "Tradition and Sentiment in Indonesian Environmental Islam," *Worldviews: Global Religions, Culture, and Ecology* 16, no. 3 (2012): 275. Benaouda Bensaid, "On Islamic Da'wah and Sustainable Development," *World Journal of Islamic History and Civilisation* 3 no. 2, (2013): 52.
2. Jumarddin La Fua dan Ismail Suardi Wekke, "Islam dan Konservasi: Pendekatan Dakwah dalam Pelestarian Lingkungan," *Al-Tahrir* 17, no. 2, (2017): 415.
3. Ivan Sunata, "Konsep Dakwah dalam Memelihara dan Pemberdayaan Masyarakat di Sekitar Hutan (Studi Kasus di Kabupaten Kerinci)," *Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 2, no. 2 (2017): 49.
4. Wijaya, Baiquni dan Bakti Setiawan, "Pengelolaan Lingkungan Berbasis Kemitraan Pesantren dan Masyarakat di Pesantren Ilmu Giri, Kabupaten Bantul," *Majalah Geografi Indonesia* 29, no. 1, (2015): 89.

melestarikan alam sekitar.⁵ Usaha mengajak manusia melakukan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar ini melalui pelbagai medium sama ada kuliah agama atau khutbah,⁶ pendidikan dan bengkel kesedaran alam sekitar yang menyediakan pengisian teori dan praktikal berkenaan dengan pelestarian seperti pengurusan sisa melalui aktiviti kitar semula, penanaman pokok dan penjimatan air.⁷ Berdasarkan definisi yang dikemukakan, tujuan dakwah itu jelas, iaitu usaha menyeru manusia kepada kebaikan dan kesejahteraan dunia dan akhirat dengan menjaga hubungan dengan Allah SWT, manusia serta hubungan dengan

5. Asmawati Muhamad et al., "Transforming The Role of Surau APIUM for Campus Sustainability through Imarah Green Project," in *Transforming Research into Action*, ed. Sumiani Yusoff (Kuala Lumpur: Sustainability Science Research Cluster, 2018), 110, Muhamad Alihanafiah Norasid et al., "Konsep Imarah Menurut Al-Quran: Ke Arah Memperkasa Institusi Masjid Sebagai Hub Kelestarian Alam Sekitar (Eko-Masjid)," dalam *Pemberdayaan Jaringan Strategik Ummah: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*, (Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia, 2020), 387.
6. Shazny Ramlan, "Religious Law for the Environment: Comparative Islamic Environmental Law in Singapore, Malaysia, and Indonesia," *NUS Centre for Asian Legal Studies Working Paper* 19, no. 3 (2019): 19. <http://law.nus.edu.sg/wps/>, Ali Akbar Zubaidi, "Dakwah Pelestarian Lingkungan Hidup oleh Tuan Guru Haji Hasanain Juaini di Narmada-Lombok," (Disertasi Sarjana Program Studi Komunikasi dan Penyiaran Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2019).
7. Herdis Herdiansyah, Trisasono Jokopitoyo and Ahmad Munir, "Environmental Awareness to Realizing Green Islamic Boarding School (Eco-Pesantren) in Indonesia," (IOP Conf. Series: Earth and Environmental Science 30, 2016), 3. doi:10.1088/1755-1315/30/1/012017, Fajar Hardoyono, "Menggagas Dakwah Penyelamatan Lingkungan," *Jurnal Dakwah dan Komunikasi, Purwokerto Indonesia* 3, no. 1 (2009): 34, Wijaya, Baiquni, dan Setiawan, "Pengelolaan Lingkungan Berbasis Kemitraan Pesantren dan Masyarakat di Pesantren Ilmu Giri, Kabupaten Bantul," 89, Abd Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Yusmini Md.Yusoff, "Peningtegrasian Pendidikan Islam dengan Pendidikan Alam Sekitar di Sekolah: Analisis Terhadap Adaptasi Pendekatan Integrasi Kurikulum Holistik," *Jurnal Usuluddin*, 44, 2016: 117-139, Asmawati Muhamad et al., "Transforming the role of surau APIUM," 110, Fachruddin Majeri Magunjaya, "Developing Environmental Awareness and Conservation Through Islamic Teaching," *Journal of Islamic Studies*, 22: (2011), Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, M. Fakhurrizi Ahmad dan Rohaiza Rokis, Laskar Alam: Modul Pembudayaan Kelestarian Alam (Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic Science (IAIS), 2019).

alam sekitar. Oleh sebab itu, peranan pendakwah diperlukan untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah perbuatan yang membawa kepada kemusnahan di atas muka bumi. Hal ini yang demikian kerana Islam merupakan agama yang syumul dalam mengatur segenap aspek kehidupan manusia termasuklah aspek kelestarian alam sekitar. Justeru, pelbagai pihak terlibat dalam usaha melestarikan alam sekitar tidak terkecuali golongan pendakwah.

Dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai krisis alam sekitar seperti pemanasan global, pencemaran, perubahan iklim, dan kejadian bencana alam yang menjejaskan kelangsungan hidupan. Golongan intelektual dan agamawan seperti Azizan Baharuddin telah menggembeng tenaga membendung kemelut yang berlaku agar kesedaran dan amalan melestarikan alam berjaya diterapkan dalam segenap lapisan masyarakat khususnya umat Islam. Perkara sedemikian ditegaskan oleh Seyyed Hossein Nasr dengan menyatakan bahawa kerugian dan kelompongan yang tampak daripada umat Islam yang menjaga ritual ibadahnya adalah apabila mereka tidak menterjemahkan penghayatan ibadah itu dalam interaksinya dengan alam sekitar.⁸ Sehubungan dengan itu, makalah ini merungkai perjuangan melestarikan alam sekitar yang ditonjolkan oleh Azizan Baharuddin menurut perspektif dakwah Islam.

Da'i dan Pelestarian Alam Sekitar

Da'i atau pendakwah merujuk kepada individu atau kumpulan yang terlibat dalam mengajak manusia kepada jalan Allah, menyebarkan nilai-nilai ajaran Islam, menyeru manusia melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan sesuatu

8. "Seyyed Hossein Nasr on Islam and the Preservation of the Natural Environment," Georgetown University Qatar, Centre for International and Regional Studies. <https://cirs.qatar.georgetown.edu/event/seyyed-hossein-nasr-islam-and-preservation-natural-environment/> (dicapai pada 1 Mac 2021).

kemungkaran dan keburukan.⁹ Abdul Somad menegaskan bahawa golongan agamawan merupakan pewaris para nabi yang harus meneruskan usaha menyebarkan dakwah Islam untuk kesejahteraan dan kelestarian alam sejagat.¹⁰ Persoalan ini dikaitkan dengan pengajaran daripada sifat rahmat yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW sepertimana yang dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud “Dan kami tidak mengutus engkau, Wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam.”¹¹

Dalam konteks dakwah pelestarian alam sekitar, pendakwah ialah pihak yang bertanggungjawab menyebarkan kefahaman pelestarian alam sekitar menurut tuntutan agama kerana mereka adalah agen perubahan ummah.¹² Medan dakwah amat penting bagi pendakwah membetulkan mentaliti serta kefahaman dan tingkah laku masyarakat terhadap pelestarian alam sekitar berlandaskan ajaran Islam. Istilah *environmentalist* memiliki perkaitan yang rapat dengan bidang tugas pendakwah berteraskan pelestarian alam sekitar. *Environmentalist* merujuk kepada seseorang yang kompeten dan komited untuk melindungi hal berkaitan alam sekitar daripada dirosakkan oleh manusia. Merujuk kepada kamus terbitan *Cambridge Press University*, *environmentalists* merupakan individu yang sangat tertarik dengan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti mencurahkan tenaga untuk kerja meningkatkan kualiti air di sungai dan tasik.¹³ Ahli persekitaran atau *environmentalist*

-
9. Ab Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, terj. Solehan Ayub (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2002), 351–363.
 10. “Da’i Gambut Kearah Penyelamatan Hutan Gambut,” Ceramah Ustaz Abdul Somad, <https://www.youtube.com/watch?v=2lZkIOMI0BI> (dicapai pada 29 Oktober 2019).
 11. *Al-Anbiyā’* (21): 107.
 12. Asmaji, “Ekologi Dakwah di Kampung Nelayan Pantai Utara Pati Jawa Tengah Indonesia” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 35.
 13. Definisi “environmentalist” from the *Cambridge Academic Content Dictionary* © Cambridge University Press, lihat di <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/environmentalist> (dicapai pada 15 Mac 2021).

juga didefinisikan sebagai pihak yang menyokong ideologi environmentalism serta mengambil berat tentang kualiti alam sekitar terutamanya berhubung persekitaran manusia dan isu pencemaran.¹⁴ Dalam erti kata lain, environmentalist turut dikenali sebagai *ecologist, naturalist, preservationist, eagle freak, treehugger* dan *greenie*.¹⁵

Sementara itu, dari perspektif Islam, Richard F. menyatakan bahawa *Islamic environmentalist* merupakan mereka yang mendalami etika alam sekitar berteraskan al-Quran dan Sunnah serta panduan-panduan yang lain seperti qiyas.¹⁶ Etika alam sekitar dalam Islam antaranya meliputi aspek eko-teologi¹⁷ dan maqasid syariah. Terdapat beberapa gelaran yang merujuk kepada golongan pendakwah pelestarian sebagai agen untuk menyampaikan mesej berunsurkan kesedaran alam sekitar dalam masyarakat seperti *Islamic environmentalist*,¹⁸ *Laskar Alam*,¹⁹ *awareness raiser*,²⁰ *da'i lingkungan*,²¹ *Imarah Eco-Friends*²² dan sebagainya.

Dalam makalah Ridhwan dan rakan penyelidikinya, mengemukakan bahawa golongan *Laskar Alam* adalah golongan terpilih yang menggalas amanah khusus menyeru kepada

-
14. Definisi “environmentalist” lihat di <https://www.merriam-webster.com/dictionary/environmentalist> (dicapai pada 15 Mac 2021).
 15. Lihat sinonim “environmentalist” di Cambridge dictionary & www.thesaurus.com (dicapai pada 15 Mac 2021).
 16. Richard C. Foltz, “Islamic Environmentalism: A Matter of Interpretation,” in *Islam and Ecology A Bestowed Trust*, ed. Richard C. Foltz, Frederick M. Denny dan Azizan Baharuddin (Cambridge: Harvard University Press, 2003), 252.
 17. Eko-teologi dalam Islam antaranya konsep tauhid, ibadah, khalifah, mizan, ihsan, amanah, dan fitrah.
 18. Foltz, *Islamic Environmentalism*, 253.
 19. Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, M. Fakhurrizi Ahmad dan Rohaiza Rokis, *Laskar Alam*, 5
 20. Fachrudin Majeri Magunjava, “Developing Environmental Awareness and Conservation Through Islamic Teaching,” 44.
 21. Asmaji, “Ekologi Dakwah di Kampung Nelayan Pantai Utara Pati Jawa Tengah Indonesia,” Jumarddin dan Ismail, *Islam dan Konservasi*, 415.
 22. Asmawati Muhamad et al., “Transforming the Role of Surau APIUM.”

usaha kemakmuran alam dan mencegah sikap yang boleh mendatangkan kemusnahan di atas muka bumi ini.²³ Dalam kajian Jumarddin dan Ismail menyatakan bahawa *da'i* lingkungan ialah sebuah pendekatan yang menyeru manusia untuk berbuat kebaikan dan mengikut kebenaran yang terkandung dalam kerangka nilai-nilai Islam agar selalu bertindak dan berperilaku berdasarkan aturan al-Quran dan hadis yang membawa manfaat kepada manusia.²⁴ Perkara ini merujuk kepada golongan yang terlibat melaksanakan usaha menyebarkan kesedaran ekologi persekitaran melalui medium pendidikan alam sekitar berteraskan prinsip Islam seperti tokoh masyarakat, pemimpin agama, pihak berkuasa, dan pemimpin tempatan.²⁵ Perbincangan serupa dijumpai dalam kajian-kajian lepas yang mengemukakan peranan individu dan kelompok tertentu dalam platform agama yang bertanggungjawab menyebarkan mesej kelestarian melalui wacana ilmiah, pemindahan ilmu dan pembinaan modal insan,²⁶ penghayatan nilai spiritual yang mendalam dalam budaya tradisi,²⁷ melalui gerakan tertentu yang menekankan aspek pemeliharaan alam dalam interaksi manusia dan persekitaran²⁸ serta melalui amali pelestarian seperti pengurusan sisa dan air secara berkesan.²⁹

Berdasarkan perbincangan menunjukkan bahawa dalam usaha menyebarkan dakwah pelestarian alam sekitar, strategi dan kriteria tertentu harus diberikan perhatian oleh pendakwah

23. Foltz, *Islamic Environmentalism*, 252–253, Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhiar, M. Fakhurrazi Ahmad dan Rohaiza Rokis, *Laskar Alam*, 18, Gade, *Tradition and Sentiment in Indonesian Environmental Islam*, 268.

24. Jumarddin dan Ismail, *Islam dan Konservasi*, 415.

25. *Ibid.*, 418.

26. Asmawati Muhamad et al., “Transforming the Role of Surau APIUM,” 111.

27. Gade, “Tradition and Sentiment in Indonesian Environmental Islam”, 275–282.

28. Foltz, *Islamic Environmentalism*, 253.

29. Asmawati Muhamad et al., “Transforming the Role of Surau APIUM,” 112, Wijaya, Baiquni dan Bakti Setiawan, “Pengelolaan Lingkungan Berbasis Kemitraan Pesantren,” 84.

untuk mendekati golongan sasaran agar keberkesanan dakwah dapat dicapai. Sebagai rumusan, pendakwah dalam konteks pelestarian alam sekitar merupakan pihak yang berusaha menyeru masyarakat ke arah kelestarian alam sekitar dengan mengajak kepada amalan pelestarian alam dan mencegah terhadap sebarang unsur kerosakan alam menurut etika alam sekitar yang digariskan dalam Islam secara teori dan praktikal.

Latar Belakang Azizan Baharuddin

Azizan Baharuddin merupakan ilmuwan kontemporari yang memiliki kepakaran dalam falsafah sains, dialog antara tamadun, etika alam sekitar, bioetika serta interaksi antara sains dengan agama. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaya sejak tahun 1979 sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah pada 2011 dan Ketua Pengarah pada tahun 2015 di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).³⁰ Beliau meraih pelbagai pengiktirafan pada peringkat negara mahupun antarabangsa seperti menganggotai kumpulan UNESCO *Network of Women Philosophers* dan menerima anugerah dari Pusat Teologi dan Sains Tabii Templeton (*Templeton Centre of Theology & Natural Sciences*), Amerika Syarikat tahun 2001 atas sumbangan akademik beliau dalam menyediakan kurikulum berkaitan dengan bidang sains dan agama.³¹ Selain itu, Azizan Baharuddin aktif dalam beberapa pertubuhan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan gender, pembangunan lestari alam sekitar dan dialog antara agama dengan budaya serta salah seorang ahli dalam pelbagai jawatankuasa penasihat dan perundingan di beberapa kementerian.³²

30. Pengalaman Azizan Baharuddin, <https://www.linkedin.com/in/azizanbaharuddin/details/experience/> (dicapai pada 2 Jun 2022).

31. Laporan Tahunan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Tahun 2016, <http://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2015/12/LAPORAN-TAHUNAN-IKIM-2016-WEB.pdf> (dicapai pada 11 Mac 2021).

32. Dokumen Seminar Mendaulatkan Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/khas/seminar-mendaulatkan-bahasa-melayu/2018-4> (dicapai pada 11 Mac 2021).

Di samping itu, beliau dilantik oleh Ketua Pengarah UNESCO sebagai ahli *International Bioethics Committee* UNESCO, Paris (2014–2017), menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2016 serta merupakan penerima Anugerah Langkawi Tahun 2015/2016 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atas sumbangannya dalam pendidikan alam sekitar dan aktivisme pada peringkat nasional dan luar negara. Bahkan beliau merupakan salah seorang daripada penggubal dan penyusun Deklarasi Islam Mengenai Perubahan Iklim Global (IDCC) yang dilancarkan di Istanbul, Turki pada tahun 2015 yang kemudiannya deklarasi tersebut diserahkan kepada Presiden Majlis Umum PBB ke-70 (UNGA), New York pada tahun 2016. Bukan sekadar itu, di Malaysia Azizan Baharuddin dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia (MKI) (2018–2021). Beliau juga merupakan ahli Lembaga Penasihat Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (LEGASI), Ahli Lembaga Pengarah Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) (2016–2019) serta dilantik sebagai Ketua Perubahan Iklim UKM-YSD oleh Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia pada Jun 2020,³³ di samping banyak lagi kejayaan dan sumbangan beliau dalam bidang falsafah sains Islam, kelestarian dan pembangunan mapan, bioetika dan sebagainya.³⁴

Sejak tahun 2015 hingga Ogos 2021, Azizan Baharuddin berkhidmat sebagai Ketua Pengarah di IKIM. Beliau telah berusaha menengahkan sains agama dan alam sekitar dalam mendepani isu sejagat. Beliau turut dilantik sebagai Penyandang Kursi bagi Kursi Perubahan Iklim, Institut Perubahan Iklim-Yayasan Sime Darby (IPI-YSD), Universiti Kebangsaan Malaysia

33. Biografi Azizan Baharuddin, <https://umexpert.um.edu.my/azizanb.html> (dicapai pada 10 Mac 2021).

34. *Laporan Tahunan IKIM Tahun 2016*. <http://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2015/12/LAPORAN-TAHUNAN-IKIM-2016-WEB.pdf> (dicapai pada 16 Mac 2021).

(UKM-YSD),³⁵ Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya serta Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) untuk tempoh tiga tahun sehingga tahun 2023.³⁶ Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja sangat komited melaksanakan gerak kerja dakwah pelestarian alam sekitar melalui kepimpinannya di IKIM bahkan penglibatannya turut aktif pada peringkat negara.

Keperibadian Azizan Baharuddin

Berhubung dengan keberkesanan gerak kerja dakwah pelestarian, penekanan terhadap keperibadian dan perwatakan pendakwah adalah perlu untuk memastikan penerimaan dakwah dalam golongan sasaran dapat dicapai.³⁷ Menurut Abdul Karim Zaidan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendakwah, seseorang harus memiliki persediaan yang mantap seperti kefahaman yang mendalam, keimanan yang kukuh dan hubungan yang intim dengan Allah SWT.³⁸ Ketiga-tiga elemen ini merupakan tapak asas dalam diri seseorang pendakwah yang bertanggungjawab secara khusus melakukan gerak kerja dakwah dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kerosakan alam sekitar.³⁹ Bahkan setiap Muslim, lelaki mahupun wanita bertanggungjawab melaksanakan dakwah dengan kemampuan tertentu dari sudut ilmu dan kuasa.⁴⁰ Terdapat tiga ciri utama berdasarkan keperibadian Azizan Baharuddin dalam mendukung usaha pelestarian alam sekitar.

35. *Buletin IKIM*, Edisi ketiga, Tahun 2020, halaman 2. <https://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2021/02/BULETIN%20EDISI%203%20IKIM%202020.pdf> (dicapai pada 11 Mac 2021).

36. Biografi Azizan Baharuddin, <https://umexpert.um.edu.my/azizanb.html> (dicapai pada 2 Mac 2022).

37. Abdul Munir Ismail, *Dakwah Satu Tuntutan dalam Islam* (Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 46–47.

38. Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, terj. Solehan Ayub (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2002), 365.

39. Ibid., 358. Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, M. Fakhurrrazi Ahmad, Rohaiza Rokis, *Laskar Alam*, 136.

40. Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 358.

Berkepakaran

Azizan Baharuddin benar-benar menguasai bidang keilmuan yang komprehensif meliputi aspek agama dan sains.⁴¹ Beliau arif dalam isu-isu sejagat seperti etika alam sekitar dan pembangunan mapan, pengislaman ilmu, sains dan Islam, falsafah, dialog dan ketamadunan serta isu berkaitan gender.⁴² Shahid Talib mengemukakan pandangan bahawa pendakwah harus bijak dalam menjalankan tugas dakwah dengan mengenalpasti topik atau isu yang relevan dengan masyarakat. Penguasaan pendakwah terhadap asas ilmu akidah dan ibadah tidak memadai jika tidak disertai dengan ilmu kontemporari seperti cabang psikologi, bahasa, sejarah dan tamadun, ekonomi, dan sains kerana kombinasi penguasaan ilmu ini penting bagi memastikan keberkesanan dakwah.⁴³ Perkara ini turut disokong oleh Jumarddin dan Ismail yang menyatakan bahawa seseorang pendakwah alam sekitar harus mempunyai kefahaman terhadap etika alam sekitar dari sudut pandang Islam selain memahami krisis dan masalah persekitaran yang berlaku khususnya melibatkan masyarakat setempat yang menjadi sasaran dakwah.⁴⁴ Begitu juga pandangan Ridhwan dan rakan pengkajinya, mengemukakan bahawa kriteria seorang pejuang alam sekitar adalah dengan melengkapkan diri dengan segala ilmu khususnya dari cabang ilmu agama dan ekologi.⁴⁵ Senada dengan pandangan ini, beberapa sarjana turut

-
41. Nur Asyikin Hamdan, Nazri Muslim dan Abdul Latif Samian, "Sumbangan dan Peranan Azizan Baharuddin dalam Kelestarian dan Agama," *MALIM Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 18, (2017): 22.
 42. Maisarah Hasbullah, "Respons Pemikir Islam terhadap Modeniti: Wacana Sains Islam sebagai Kajian Kes di Malaysia," (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, 2012), 376-395.
 43. Mohd Shahid Talib, *Wasatiah Indahnya Hidup Bersederhana* (Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 2012), 78.
 44. Jumarddin dan Ismail, *Islam dan Konservasi*, 422.
 45. Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, M. Fakhurrazi Ahmad dan Rohaiza Rokis, *Laskar Alam*, 18.

mengemukakan prinsip Islam berhubung dengan kelestarian alam yang memerlukan kepada penguasaan ilmu dan pemahaman prinsip Islam seperti konsep tauhid, khalifah, mizan, amanah, adil, fitrah, ihsan dan sebagainya berdasarkan al-Quran dan hadis yang mengandungi banyak hikmah tentang alam sekitar (*environmental wisdom*).⁴⁶ Hal ini yang demikian penting untuk membentuk penghayatan menyeluruh terhadap ajaran Islam yang merangkumi aspek spiritual, intelektual, moral dan akhlak diri pendakwah pelestarian itu sendiri dan sasaran dakwah.

Secara dasarnya, Azizan Baharuddin mengakui bahawa pengetahuan saintifik amat diperlukan untuk lebih mengenali Tuhan, sekaligus meningkatkan ketaqwaan kepada Tuhan kerana ilmu sains menurut beliau adalah ilmu yang mengkaji “kitab Allah yang kedua” atau lebih dikenali sebagai alam tabii. Selanjutnya, agama mampu memberi panduan kepada sains terhadap sesuatu perkara, manakala sains mengkaji alam tabii yang akhirnya membawa manusia tunduk kepada Allah SWT.⁴⁷ Begitu juga dalam karya ilmiah yang beliau hasilkan mengandungi mesej-mesej berhubung dengan prinsip agama, spiritual, pembangunan mampan dan ketamadunan ke arah membentuk nilai modal insan sekaligus mewujudkan kelestarian serta keharmonian dalam masyarakat dan alam persekitarannya berteraskan penghayatan agama.⁴⁸ Berdasarkan perbincangan ini, ia seiring dengan pandangan Torabi dan Noori bahawa

46. Bensaïd, “On Islamic Dakwah and Sustainable Development,” 49–54, Foltz, *Islamic Environmentalism*, 252, Dwi Astuti, “Strategi Dakwah dalam Pelestarian Lingkungan Hidup,” *SUHUF* 18, no.1, (2006): 53, Jumarddin dan Ismail, *Islam dan Konservasi*, 421, Fachruddin Majeri Magunjaya, “Kerusakan Lingkungan: Epistemologi Sains Islam dan Tanggungjawab Manusia,” *Jurnal Teologia* 26, no.1 (2015): 64, Asmawati Muhamad, Abdul Halim Syihab dan Abdul Halim Ibrahim, “Preserving Human-Nature’s Interaction for Sustainability,” *Science and Engineering Ethics* 26, no. 2 (2020): 1060. <https://doi.org/10.1007/s11948-020-00192-7>,

47. Maisarah Hasbullah, “Respons Pemikir Islam terhadap Modeniti,” 384.

48. Azizan Baharuddin, “Sustainable Development in the Spiritual Context as a Denominator for an Asian-Arab Philosophical Dialogue,” in *Asian-Arab Philosophical Dialogues on Culture of Peace and Human Dignity*, ed. Darryl R. J. Macer (UNESCO Bangkok, 2011), 194–203.

pendakwah pelestarian alam sekitar atau pemimpin agama harus menguasai pengetahuan berkaitan dengan aspek sejarah, sosiologi dan isu-isu kontemporari bersifat global dan setempat seperti krisis perubahan iklim, isu pencemaran air, pencemaran plastik, penyahhutanan dan kesan terhadap seluruh hidupan, bencana alam dan matlamat pembangunan mampan agar dakwah pelestarian memberi kesan yang jitu dan meluas merangkumi pemeraksanaan intelektual, spiritual dan moral.⁴⁹ Hal ini yang demikian turut disokong oleh Dwi Astuti yang menyatakan bahawa pendakwah pelestarian mempunyai dua kompetensi, iaitu penguasaan dalam ajaran Islam yang benar dan tepat serta memahami pendekatan yang sesuai untuk menyampaikan ajaran Islam dan kelestarian alam kepada sasaran dakwah.⁵⁰

Menurut pandangan Azizan Baharuddin pendekatan keagamaan khasnya melalui perspektif Islam berkait rapat dengan konsep pembangunan mampan di samping petunjuk ekonomi dan alam sekitar. Kesejahteraan sosial mampu dicapai melalui pembinaan modal insan yang berguna, berjati diri dan berilmu pengetahuan. Nilai moral dan etika yang bertunjangkan keagamaan dalam sains dan teknologi berupaya mengangkat martabat perspektif keagamaan sebagai sumber yang mempunyai kepentingan dan nilainya yang tersendiri.⁵¹ Menurut Azizan Baharuddin lagi, suatu yang harus difikirkan ialah perihal agama boleh diarusperdanakan dalam wacana pembangunan mampan yang menjadi teras kepada pembangunan ekonomi dan

49. Maryamossadat Torabi and Seyed Masoud Noori, "Religious Leaders and the Environmental Crisis, Using Knowledge and Social Influence to Counteract Climate Change," *World Council of Churches*, (2019): 344–356, Wijaya, Baiquni, dan Bakti Setiawan, "Pengelolaan Lingkungan Berbasis Kemitraan Pesantren dan Masyarakat di Pesantren Ilmu Giri, Kabupaten Bantul," 89.

50. Dwi Astuti, "Strategi Dakwah dalam Pelestarian Lingkungan Hidup," 52.

51. Nur Asyikin Hamdan, Nazri Muslim dan Abdul Latif Samian, "Sumbangan dan Peranan Azizan Baharuddin dalam Kelestarian Sains dan Agama," 25.

kemanusiaan sesebuah negara.⁵² Dalam hal ini, beliau melihat bahawa isu pengharmonian sains dengan agama sangat penting bukan sahaja dalam kalangan orang Islam, malah kepada seluruh manusia amnya. Tanpa pengharmonian antara sains dengan agama, akan wujud krisis seperti isu alam sekitar. Oleh sebab itu, untuk menangani krisis sebegini, pendekatan yang lebih holistik diperlukan dan usaha ini dimanifestasikan melalui pengislaman ilmu sains. Krisis alam sekitar contohnya, bukanlah suatu isu yang bersifat setempat sahaja, malah merupakan masalah global yang memerlukan penghayatan dan kesedaran pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Atas kesedaran inilah, Azizan Baharuddin melihat bahawa wacana kemapanan sains mampu menjadi medium untuk menyuarakan kebimbangan dan keprihatinan beliau terhadap krisis alam sekitar yang disebabkan kepincangan sains dan teknologi moden.⁵³ Perkara ini boleh didapati, antaranya dalam siri mingguan slot *Sains dan Islam* melalui platform radio IKIM. Azizan Baharuddin sebagai panel penyampai slot tersebut berkongsi beberapa topik menarik seiring dengan keperluan dan persoalan semasa sebagai contoh *bioweapon*, *coronavirus* dan panduan Islam, Hijrah, jati diri dan *experiential learning*, *al-Ankabut* dan ironi rumah labah-labah, dan alam menjadi saksi kisah cinta Nabi Ibrahim a.s, jejak karbon (*footprint*), peningkatan paras laut dan pesan al-Quran.⁵⁴ Keupayaan beliau menguasai dan mengupas topik-topik berkenaan menunjukkan bahawa usaha yang cemerlang dalam merapatkan jurang antara aspek sains dengan Islam kepada masyarakat awam melalui kupasan yang sangat menarik, santai dan mudah difahami oleh pendengar.

Tuntasnya, penguasaan ilmu pengetahuan yang holistik ialah kriteria utama yang memperlihatkan kewibawaan Azizan

52. Maisarah Hasbullah, “Respons Pemikir Islam terhadap Modeniti,” 394.

53. Ibid., 406

54. Laman Sosial Rasmi Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), slot *Sains dan Islam*” Laman Facebook IKIMfm, <https://www.facebook.com/ikimfm> (dicapai pada 3 Oktober 2021).

Baharuddin sebagai pejuang dan pendakwah pelestarian yang ideal, unggul dan sesuai untuk dicontohi pada masa ini. Azizan Baharuddin turut menegaskan bahawa manusia yang dilantik sebagai wakil Allah SWT di muka bumi bertanggungjawab memelihara seluruh ciptaan Allah SWT harus menyedari peranannya sebagai pentadbir bumi, menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dan peka terhadap segala tindakannya terhadap alam sekitar serta seimbang dari segi fizikal, rohani, dan mental.⁵⁵ Penyelidik mengenal pasti kebanyakan sarjana menekankan fungsi manusia yang menggalas peranan sebagai khalifah di muka bumi ini sebagai ciri-ciri yang mesti dihayati dalam jati diri pendakwah. Pendakwah bertanggungjawab menjadi pentadbir dan penerus kepada mereka yang terdahulu untuk melaksanakan sesuatu tugas dan amanah memakmurkan bumi ini.⁵⁶ Seseorang khalifah dibekalkan dengan amanah yang hanya mampu digalas oleh makhluk bernama manusia serta diberi kemampuan berfikir untuk memakmurkan alam ini.⁵⁷ Maka, jelaslah bahawa elemen berpengetahuan luas merupakan hal yang dominan untuk diberi perhatian oleh para pendakwah agar sentiasa meningkatkan keupayaan diri dari sudut ini sekali gus merealisasikan misi dakwah pelestarian dengan lebih berkesan.

Berpengaruh

Selain penguasaan terhadap ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang tertentu, pengaruh atau jawatan yang dimiliki turut

-
55. Azizan Baharuddin, "Kewajaran Mewujudkan Mata Pelajaran Pendidikan Alam Sekitar Secara Berasingan dalam Kurikulum Pembelajaran," *Persidangan Meja Bulat: Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar: Penelitian dan Pemantapan Modul dan Kurikulum Menerusi Pendekatan Agama*, IKIM, Kuala Lumpur pada 2 November 2013 (dicapai pada 15 November 2019 secara fizikal di Perpustakaan IKIM).
 56. Zaini Ujang dan Zulkifli Mohd Yusoff, *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), 2020).
 57. Abd al-Hamid, "Exploring the Islamic Environmental Ethics," in *Islam and the Environment*, ed. A.R. Agwan (Kuala Lumpur: Synergy Book International, 1997), 41.

memberi impak terhadap keberkesanan dakwah yang dilakukan pendakwah pelestarian.⁵⁸ Kemampuan dari sudut kuasa atau kedudukan adalah penting bagi perkembangan dakwah. Islam menganjurkan orang yang memiliki kuasa menggunakan pengaruhnya untuk mengajak manusia menyembah Allah dan memakmurkan bumi dengan amalan yang baik.⁵⁹ Menurut Abdul Karim Zaidan, secara umum dakwah boleh disampaikan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira jantina mahupun peringkat umur. Namun, dalam sesetengah keadaan terdapat limitasi tertentu yang melibatkan skop kemampuan pendakwah dari segi ilmu dan kuasa.⁶⁰

Berhubung dengan perbincangan ini, Torabi menjelaskan pengaruh agamawan sangat penting dalam mengubah mentaliti dan sikap masyarakat. Kelebihan yang ada pada Azizan Baharuddin dari sudut kepakaran ilmu dan kedudukan yang dimiliki melayakkan beliau terlibat sebagai pembuat dasar atau polisi kerajaan berhubung dengan kelestarian alam sekitar dalam konteks agama.⁶¹ Hal ini yang demikian sejajar dengan kenyataan bahawa pemimpin agama memiliki kelebihan untuk meyakinkan dan mempengaruhi masyarakat mengikut ajaran Islam berpandukan undang-undang dan syariat Islam, sebagai contoh melalui fatwa hukum sesuatu.⁶² Sepertimana di Indonesia, Majlis Ugama Indonesia mempunyai pengaruh melalui Institut Sumber Daya Alam dan Alam Sekitar yang berperanan menangani isu alam sekitar menurut sudut pandangan Islam, menjawab persoalan masyarakat dan menyalurkan pemahaman serta fatwa tentang isu kelestarian alam seperti pembalakan

58. Ibid, 355, Ali Akbar Zubaidi, "Dakwah Pelestarian Lingkungan Hidup," Gade, "Tradition and Sentiment in Indonesia Environmental Islam," 265.

59. Ibid., 359.

60. Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 358.

61. Azizan Baharuddin, *Konsep Rahmah dalam Pengurusan Alam Sekitar* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019).

62. Maryamossadat Torabi and Seyed Masoud Noori, "Religious Leaders and the Environmental Crisis," 349.

dan pembakaran hutan, perlindungan haiwan liar, pengurusan sisa dan air.⁶³ Begitu juga dalam konteks dakwah pelestarian yang diketengahkan oleh Azizan Baharuddin menunjukkan bahawa kapasiti dan pengaruh yang dimiliki membolehkan pengembangan dan pelaksanaan dakwah lebih efektif dan meluas.

Dalam konteks hubungan interaksi antara Azizan Baharuddin dengan persekitarannya, beliau secara peribadi menonjolkan karakter yang mudah disenangi dan disegani oleh kakitangan IKIM, bekas pelajar dan para pelajarnya. Keadaan ini mengukuhkan lagi pengaruh dan menaikkan nilai karismatik beliau sebagai ketua yang mesra, kompeten, dan berkaliiber. Perkara ini diteliti oleh penyelidik menerusi interaksi Azizan Baharuddin dalam siri penyampaian di radio IKIM bersama kakitangan penyampai radio yang bertugas, laporan aktiviti tahunan IKIM seperti kunjungan hormat oleh Azizan Baharuddin dan program-program bersama warga IKIM serta kejayaan penghasilan anak didik seliaan beliau sendiri.⁶⁴ Karakter beliau yang menjaga hubungan silaturahim dengan baik secara tidak langsung melancarkan usaha dakwah pelestarian alam sekitar yang diusahakan kerana sokongan dan dokongan yang diterima daripada insan-insan sekitarnya.

Bermotivasi Tinggi

Meskipun bergelar ketua dalam kalangan wanita di sebuah institusi terkemuka, Azizan Baharuddin bijak menguruskan

63. Fachruddin Majeri Magunjaya dan Gugah Praharawati, "Fatwas on Boosting Environmental Conservation in Indonesia," *Religions* 10, no. 10 (2019): 124.

64. *Buletin IKIM*, Edisi Julai–September 2017, <https://www.ikim.gov.my/new-wp/wp-content/uploads/2019/01/Buletin-July-Sept.pdf> (dicapai pada 3 Oktober 2021), Edisi kedua dan Ketiga, tahun 2021, daripada <https://www.ikim.gov.my/index.php/buletin-ikim/#1602485672636-f1409ea1-55e0> (dicapai pada 3 Oktober 2021), Laman Facebook Rasmi IKIMfm, Slot *Sains dan Islam*, 2021 (dicapai pada 3 Oktober 2021). Biografi Azizan Baharuddin, <https://umexpert.um.edu.my/azizanb.html> (dicapai pada 2 Mac 2022).

emosi, sentiasa meneliti diri sendiri dan tidak jemu memperbaiki segala kelemahan.⁶⁵ Hal ini yang demikian merupakan kekuatan kepimpinannya di institusi Islam yang gah dengan penyebaran dakwah dan wacana ilmu berteraskan Islam dan isu sejagat seperti alam sekitar dan kelestarian, fiqh kontemporari, sains etika dan masyarakat.⁶⁶

Tambahan pula, semangat juang yang tinggi ditonjolkan dalam kepimpinan dan gerak kerja dakwah, menyebabkan beliau tidak terkesan dengan pandangan negatif yang diberikan terhadap wanita sebagai peneraju utama sesebuah organisasi. Bahkan beliau menjelaskan seseorang pemimpin harus ikhlas memikul amanah dan tidak ego menjalankan tanggungjawab yang diberikan.⁶⁷ Perkara ini jelas menunjukkan tanggungjawab pendakwah tidak terhad kepada jantina tertentu.⁶⁸ Akan tetapi, kepentingan dalam kepimpinan adalah dengan melengkapkan diri dengan iman, ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan. Beliau bahkan menegaskan pemimpin wanita mestilah diberi galakan, sokongan dan prasarana untuk menyumbang dalam pembangunan sosial masyarakat dan negara kerana matlamat dakwah adalah melahirkan sebaik-baik ummah.⁶⁹ Perkara ini membuktikan bahawa Azizan Baharuddin seorang yang kompeten, bermotivasi tinggi, mempunyai semangat kuat seiring dengan kriteria pendakwah pelestarian yang memiliki nilai aktivisme untuk melahirkan suatu bentuk pentadbiran alam sekitar yang baik dan lestari.⁷⁰

65. Bennie Zie Fauzi, "Azizan Martabatkan Islam, Isu Sejagat," *Berita Harian Online*, 2017, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/266663/azizan-martabatkan-islam-isu-sejagat> (dicapai pada 17 Mac 2021).

66. Ringkasan Eksekutif, *Laporan Tahunan IKIM*, Tahun 2018 http://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2018/12/Layout_IKIM_2018-Ringkasan_Eksekutif_ver2_FA.pdf (dicapai pada 17 Mac 2021).

67. Bennie Zie Fauzi, "Azizan martabatkan Islam, Isu Sejagat."

68. Abdul Karim Zaidan, "Islam dan Dakwah," terj. Solehan Ayub. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam 2002), 358.

69. Nur Asyikin Hamdan, Nazri Muslim dan Abdul Latif Samian, "Sumbangan dan Peranan Azizan Baharuddin dalam Kelestarian Sains dan Agama," 27.

70. Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, M. Fakhurrazi Ahmad, Rohaiza Rokis, *Laskar Alam*, 3.

Dalam hal ini, kesedaran yang timbul dalam diri pendakwah melahirkan suatu semangat untuk berjuang (eko-aktivis) yang sebenarnya wujud daripada nilai empati dan kasih yang tinggi dalam diri.⁷¹ Zaini Ujang dan Zulkifli menjelaskan tahap emosi dalam etika pelestarian Islam seseorang terdapat lima tahap⁷² dan yang paling teratas adalah tahap empati yang membuatkan seseorang sanggup menjadi pelopor, peneraju, penggerak dan pengasas kepada pelbagai inisiatif pelestarian pada peringkat tempatan atau antarabangsa demi kebaikan masyarakat dan ekosistem alam.⁷³

Berdasarkan kajian Maisarah, Azizan Baharuddin mempunyai kesedaran yang mendalam terhadap pandangan kajian sains suatu yang relevan dengan perihal yang diperkatakan oleh al-Quran yang sebenarnya merujuk kepada diri manusia sendiri. Beliau sering menimbulkan persoalan-persoalan⁷⁴ berasaskan falsafah, soalan etika (perihal tentang hidup), soal epistemologi yang digarapkan sehingga mendorong Azizan Baharuddin terlibat dalam kajian sains dan agama. Pendekatan dalam bidang falsafah dan keilmuan, beliau harapkan menjadi asas kepada penyatuan antara ilmu sains manusia dan nilai-nilai manusia agar tidaklah terjadi krisis yang menimpa alam sekitar disebabkan oleh tindakan manusia yang menggunakan sains secara tidak seimbang, dari segi ekonomi tidak mapan dan

71. Zaini Ujang dan Zulkifli Mohd Yusoff, *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar*, 274–275.

72. Tahap Apati: tidak peduli dengan persekitaran, Tahap Simpati: Mengambil tahu dan prihatin dengan persekitaran, Tahap Empati I: Menghulurkan pertolongan dan sokongan moral melalui salah satu daripada cara ini iaitu kewangan, kepakaran, atau masa, Tahap Empati II: menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan sekurang-kurangnya dua daripada cara berikut (i) kewangan (ii) kepakaran atau (iii) masa, Tahap Empati III: Menjadi pelopor atau peneraju kepada setiap usaha kebaikan terhadap seluruh hidupan.

73. Zaini Ujang dan Zulkifli Mohd Yusoff, *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar*, 341.

74. Persoalan asas dalam falsafah seperti “siapa saya, ke mana saya akan pergi, saya datang dari mana, selepas ini ke mana saya akan pergi, bagaimana saya harus hidup?”

menekankan aspek fizikal namun meninggalkan aspek modal insan.⁷⁵ Kesedaran terhadap kemerosotan nilai kemanusiaan dan krisis alam sekitar seperti peningkatan suhu global, perubahan iklim, pencemaran dan aktiviti kemusnahan hutan menyebabkan seseorang bersemangat memperjuangkan kesedaran alam sekitar dalam masyarakat.⁷⁶

Tambahan lagi, Azizan Baharuddin merasakan bahawa timbul satu cabaran kepada umat Islam kontemporari untuk mengembalikan kegemilangan keilmuan Islam itu dengan menyatupadukan kembali pandangan alam terhadap ilmu, iaitu dengan melihat bahawa ilmu di dalam Islam merangkumi segala jenis bidang dan cabang. Beliau juga menekankan bahawa bidang sains dan teknologi wajar dimanfaatkan untuk dakwah Islamiah kerana banyak alat yang terhasil daripada teknologi moden boleh digunakan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian dakwah seseorang di samping ilmu sains itu sendiri boleh dijadikan hujah dalam menyampaikan dakwah. Di samping itu, beliau turut menekankan bahawa Muslim hari ini wajar memahami perihal sains yang boleh mempengaruhi hidup manusia dari sudut pandangan alam dan perkembangan teknologi.

Sebagai rumusan, Azizan Baharuddin telah menampilkan ciri-ciri seorang pendakwah pelestarian yang wajar dicontohi untuk menjadi agen perubahan masyarakat antaranya dengan memiliki kepakaran dan menguasai ilmu pengetahuan, mempunyai pengaruh atau kuasa dan bermotivasi tinggi dengan semangat juang dan kesedaran yang jitu untuk menyebarkan dakwah alam sekitar.⁷⁷ Secara tidak langsung menampakkan beliau bukan sekadar tokoh ilmuwan bahkan juga pendakwah dan

75. Maisarah Hasbullah, “Respons Pemikir Islam terhadap Modeniti, 380–381.

76. Jumarddin dan Ismail, *Islam dan Konservasi*, 411–431, Wijaya, Baiquni dan Setiawan, “Pengelolaan Lingkungan Berbasis Kemitraan Pesantren dan Masyarakat di Pesantren Ilmu Giri, Kabupaten Bantul,” 80–94, Gade, “Tradition and Sentiment in Indonesia Environmental Islam,” 263–285, Ali Akbar Zubaidi, “Dakwah Pelestarian Lingkungan Hidup.”

77. Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, M. Fakhruzzazi Ahmad, Rohaiza Rokis, *Laskar Alam*, 18.

Islamic Environmentalist yang bertanggungjawab memberikan kefahaman pelestarian alam sekitar seiring dengan tuntutan agama.

Strategi Azizan Baharuddin dalam Dakwah Pelestarian Alam Sekitar

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, kriteria pendakwah pelestarian dalam keperibadian Azizan Baharuddin jelas menunjukkan sumber dakwah Islam yang dilaksanakan beliau adalah berpaksikan mesej akidah, ibadah dan akhlak berteraskan panduan al-Quran dan hadis dan sumber hukum yang disepakati, serta menekankan aspek etika alam sekitar dan modal insan. Sehubungan dengan itu, makalah ini mengenal pasti terdapat dua strategi yang dominan dalam usaha dakwah Azizan Baharuddin melestarikan alam sekitar iaitu pembudayaan ilmu dan jaringan kerjasama.

Pembudayaan Ilmu

Dalam konteks ini, Azizan Baharuddin giat menggunakan saluran penulisan dan menghasilkan lebih daripada 300 karya dalam bentuk buku, monograf, bab buku, artikel jurnal dan penulisan di akhbar dalam pelbagai topik tentang sains dan nilai agama, sains dan masyarakat, bioetika dan etika alam sekitar serta dialog antara penganut agama.⁷⁸ Perkara ini berkait rapat dengan perbahasan sarjana bahawa nilai dan panduan ajaran Islam mesti diterjemahkan secara meluas berdasarkan cabaran semasa yang merangkumi aspek sosial alam sekitar agar masyarakat menyedari dan menjiwai peranan agama dalam membendung krisis persekitaran menurut Islam.⁷⁹ Hal ini yang

78. Biografi Azizan Baharuddin, <https://umexpert.um.edu.my/azizanb.html> (dicapai pada 3 Mac 2021).

79. Foltz, "The Environmental Crisis and Global Violence: A Matter Misplaced Values," *The Journal of Islamic Perspective*, IPCSS, 3, (2010): 135.

demikian membuktikan bahawa peranan agamawan sangat signifikan untuk melahirkan komuniti Muslim yang lestari melalui keilmuan, pengaruh dan peranan yang digalas oleh pemimpin agama.⁸⁰ Menurut Bennie dalam wawancaranya bersama Azizan Baharuddin, IKIM juga bertanggungjawab menerbitkan pelbagai buku, jurnal penulisan, artikel khas di akhbar tertentu untuk perkongsian ilmu, pendapat serta pemahaman tentang Islam.⁸¹ Pembudayaan ilmu yang menjalinkan prinsip Islam dengan sains seperti yang dilakukan oleh Azizan Baharuddin suatu yang wajar. Hal ini dikatakan demikian kerana menjadi kebimbangan dalam kalangan sarjana yang melihat perilaku kebanyakan Muslim yang terputus hubungan antara keimanan dan cara hidup harian.⁸² Perkara ini dibuktikan dalam kajian Mashitah Yaacob dan rakan penyelidikinya, mendapati bahawa aspek keagamaan dan etika alam sekitar Islam masih kurang mendapat perhatian Muslim sebagai pemangkin kepada usaha pelestarian alam sekitar berbanding aspek perundangan, ekonomi dan sebagainya.⁸³ Walau bagaimanapun, Seyyed Hossein Nasr menegaskan bahawa kemusnahan alam sekitar yang wujud tidak mampu diselesaikan dengan penggunaan pelbagai peralatan dan teknologi semata-mata tanpa perubahan cara hidup manusia yang lestari dengan pemerkasaan daya intelektual, spiritual dan moral masyarakat.⁸⁴

80. Torabi Maryamossadat, and Seyed Masoud Noori, "Religious Leaders and the Environmental Crisis," 350.

81. Bennie Zie Fauzi, "Azizan martabatkan Islam, Isu Sejagat."

82. *Buletin IKIM* Edisi Pertama, "Expert Consultation: Religios Responses to Climate Change and Environmental Degradation," 24 November 2020, halaman 1, <https://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2021/06/Buletin%202021%20Jilid1.pdf>, *Buletin IKIM*, Edisi Kedua, Tahun 2021, daripada <https://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2021/06/Buletin%202021%20Jilid2.pdf> (dicapai pada 20 Mac 2021).

83. Mashitah Yaacob et al., "Transformation of Muslim Behaviour towards Sustainable Environment: Perspectives of Non-Governmental Organisations in Klang Valley," *Akademika* 87 (2) 2017: 27.

84. "Seyyed Hossein Nasr on Islam and the Preservation of the Natural Environment," <https://cirs.qatar.georgetown.edu/event/seyyed-hosseinnasr-islam-and-preservation-natural-environment/> (dicapai pada 1 Mac 2021).

Selain media cetak, media elektronik juga menjadi medium perantara penting dalam menjayakan usaha ini. Sepanjang menerajui IKIM, mesej-mesej Islam dan pelestarian alam sekitar disebarkan melalui slot radio IKIM seperti slot *Agama dan Alam Sekitar: Perspektif IKIM dan Pandangan Agama dan Perubahan Iklim Dunia*.⁸⁵ Penyampaian di radio IKIM berkaitan dengan isu alam sekitar dan biodiversiti dari perspektif Islam dilakukan secara berkala. Selain itu, beliau turut memenuhi jemputan memberi ceramah kepada pihak luar tentang isu-isu tersebut.⁸⁶ Sememangnya beliau aktif membincangkan topik-topik berkenaan isu sejagat khususnya, tentang sains Islam dan kelestarian melalui saluran media kerana radio merupakan platform yang efisien dan meluas dalam sasaran dakwah.⁸⁷ Hal ini yang demikian membuktikan bahawa pelantikan Azizan Baharuddin menerajui IKIM, tidak sia-sia apabila beliau terus mencari ruang dan peluang memperkukuhkan pemahaman Islam sejajar dengan perjuangan institusi dalam mengetengahkan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang disuarakan di stesen radio, televisyen dan portal.⁸⁸ Bagi Azizan Baharuddin berdakwah pada zaman teknologi ini dilihat sebagai cabaran buat semua untuk mengawal diri menyebarkan ilmu dan maklumat sah. Menurut beliau, kerja dakwah perlu disesuaikan dengan kepantasan teknologi yang berfungsi menyebarkan maklumat dengan cepat. Tambahnya lagi, dakwah pada masa ini tidak mungkin boleh dilakukan secara diam kerana penggunaan

85. Laporan Tahunan Institut Kefahaman Islam Malaysia Tahun 2017, hlm. 29. <http://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2018/08/Ringkasan%20Eksekutif%20Laporan%20Tahunan%202017.pdf> (dicapai pada 25 Mac 2021).

86. "Analisis Perubahan Iklim dan Alam Sekitar," Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, *Ilmu-Ilmu TV Channel*, 2019. <https://www.youtube.com/watch?v=8pIwU3R0Rys> (dicapai pada 24 Mac 2021).

87. Dokumen Seminar Mendaulatkan Bahasa Melayu Tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia.

88. Bennie Zie Fauzi, "Azizan Martabatkan Islam, Isu Sejagat," *Berita Harian Online*, 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/266663/azizan-martabatkan-islam-isu-sejagat> (dicapai pada 17 Mac 2021).

gajet amat meluas pada semua peringkat.⁸⁹ Justeru, pendakwah pelestarian wajar memanfaatkan platform media sebaik mungkin dalam menyebarkan mesej dakwah.

Dalam menyebarkan idea faham Islam melalui pembudayaan ilmu, Azizan Baharuddin juga menekankan konsep *natural theology*, iaitu kajian tentang alam tabii yang berkaitrapat dengan agama dan ketuhanan. Pemikiran yang berkait dengan kekaguman terhadap keunikan alam ciptaan Tuhan juga suatu bentuk *natural theology*. Dari sudut pandangan alam (*worldview*), ilmu tentang alam tabii ialah jalan untuk mendekati diri dengan Tuhan. Azizan Baharuddin menyatakan bahawa alam tabii dan al-Quran ialah dua kitab Allah yang mengandungi dalil dan pengajaran kepada hamba-Nya untuk menjalani kehidupan dan menghayati nilai tauhid yang merupakan antara fokus dakwah Islam.⁹⁰ Hal ini yang demikian secara langsung berkait dengan aspek peradaban yang membawa maksud keadaan atau tingkat kemajuan kehidupan dari sudut rohani dan jasmani dalam sesebuah bangsa dan masyarakat.⁹¹ Azizan Baharuddin menegaskan bahawa manusia harus memahami alam ini semata-mata pinjaman daripada Allah SWT. Oleh sebab itu, manusia perlu bekerjasama dengan alam demi kelangsungan hidupan yang sejahtera melalui sokongan sumber alam seperti air, udara dan tanah yang lestari. Manusia mempunyai hak untuk mempertahankan diri daripada spesies yang mengancamnya tetapi tidak boleh menyebabkan kepupusan haiwan tersebut.⁹² Perkara ini memerlukan kepada sistem nilai yang digariskan dalam

89. Siti Fatimah Hassan, “Cabaran dakwah zaman teknologi,” *myMetro*, 7 Oktober 2016. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/10/7172141/cabaran-dakwah-zaman-teknologi> (dicapai pada 20 Mac 2021).

90. Nur Asyikin Hamdan, Nazri Muslim dan Abdul Latif Samian, “Sumbangan dan Peranan Azizan Baharuddin dalam Kelestarian Sains dan Agama,” 25–26.

91. Mahadi Abu Hassan, Khadijah Mohd Khambali, “Pengislaman Sains dan Pengaruhnya dalam Peradaban: Respons Ilmuwan Muslim Terpilih” (Islamization of Science and Its Influence on Civilization: What Say the Muslim Scholars?), *Journal of Human Capital Development* 6, no. 1, (2013): 136

92. Nur Asyikin Hamdan, Nazri Muslim dan Abdul Latif Samian, “Sumbangan dan Peranan Azizan Baharuddin dalam Kelestarian Sains dan Agama,” 27.

Islam untuk memelihara peradaban manusia dan keseimbangan hidupan daripada ancaman globalisasi. Sehubungan dengan itu, Azizan Baharuddin mementingkan pelaksanaan wacana sebagai contoh berkaitan konsep pembangunan mapan, maqasid syariah dan sebagainya bagi menyemarakkan kesedaran pelestarian alam sekitar berlandaskan panduan al-Quran dan hadis.

Selain itu, Aziz Rekan dan rakan kajiannya telah menemukan pelbagai siri wacana dan pembudayaan ilmu yang dijalankan oleh IKIM seperti muzakarah pakar, penganjuran bengkel, dialog dan forum, seminar kebangsaan dan antarabangsa, syarahan perdana, persidangan meja bulat berkaitan isu-isu alam sekitar dan biodiversiti⁹³ seperti Persidangan Meja Bulat “Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar: Penelitian dan Pemantapan Modul dan Kurikulum Menerusi Pendekatan Agama” pada 12 November 2013, International Seminar “*Science for Sustainable Development: Islamic Perspectives*,” pada 18–19 November 2014, dan “Seminar Kelestarian Alam dan Maqasid Al-Syariah,” pada 26 September 2017 dan banyak lagi.⁹⁴ Peringkatnya strategi pembudayaan ilmu melalui media cetak, media massa dan penganjuran wacana ilmu sememangnya membuahkan impak yang menyeluruh apabila hasilnya diterjemahkan dalam pelaksanaan polisi, dasar, sistem pendidikan dan sosial masyarakat. Tuntasnya, strategi pembudayaan ilmu menyediakan capaian yang meluas kepada sasaran dakwah pelestarian melalui medium penulisan, media cetak, media massa dan elektronik, serta wacana ilmu yang berpotensi memberi nilai tambah kepada masyarakat dari sudut intelektual dan kesedaran alam sekitar.

93. Abd. Aziz Rekan, Mohd Istajib Mokhtar dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Aplikasi Maqasid al-Shariah dalam Pendidikan Alam Sekitar berasaskan Opsikologi: Pengalaman Malaysia dan Indonesia serta Refleksinya di Peringkat Global”, dalam *Islam dan Ketamadunan Melayu: Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Khadher Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 83–84.

94. Perpustakaan IKIM dan Dokumen Laporan Tahunan IKIM dari tahun 2015–2018, <http://www.ikim.gov.my/index.php/laporan-tahunan-ikim/> (dicapai pada 25 Mac 2021)

Jaringan Kerjasama

Berikutnya, kepakaran dan ketokohan Azizan Baharuddin menjadikan sumbangannya signifikan buat masyarakat. Beliau dilantik oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), sebagai ahli Jaringan Ahli Falsafah Wanita (*International Network of Women Philosophers*), UNESCO pada tahun 2010 hingga 2012. Kelebihan dalam jaringan kerjasama yang meluas pada peringkat global⁹⁵ membolehkan beliau menggunakan platform berkenaan untuk menyuarakan perspektif wanita tentang isu pembangunan, pendidikan, alam sekitar dan sosio-budaya. Tambahan pula, menerusi jaringan antarabangsa yang terjalin, beliau mampu mendedahkan permasalahan wanita, isu gender, berkongsi ilmu dan kaedah menyelesaikan hal berbangkit pada peringkat global.⁹⁶ Begitu juga dalam keanggotaan Azizan Baharuddin sebagai wakil pertama negara dalam Jawatankuasa *International Bioethics* di bawah UNESCO penggal 2015 hingga 2017 yang menekankan isu bioetika, bidang berkaitan aplikasi sains dan teknologi terhadap benda hidup (termasuk manusia dan alam sekitar) yang tidak mendatangkan kemudaratan. Berhubung hal ini, Azizan Baharuddin menegaskan bahawa sains dan teknologi bukanlah suatu perkara yang harus dipersalahkan, tetapi elemen nilai seperti nilai kemanusiaan adalah pendorong agar penggunaan sains dan teknologi atas landasan yang betul bukan untuk menindas pihak-pihak tertentu.⁹⁷

Selain penglibatan beliau dalam jaringan antarabangsa, Azizan Baharuddin juga berpengaruh pada peringkat negara.

95. UNESCO, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Thailand, *Universiti Connecticut & Universiti Yale, Amerika Syarikat, ASEAN Institute of Peace Reconciliation (IPR), King Abdulaziz Institute of Interreligious and Intercultural Dialogue (KAICIID), OIC*.

96. Bennie Zie Fauzi, "Azizan Martabatkan Islam, Isu Sejangat," *Berita Harian Online*, 2017, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/266663/azizan-martabatkan-islam-isu-sejangat> (dicapai pada 17 Mac 2021).

97. Azizan Baharuddin, "Peranan Sains dan Teknologi serta Sainitis di Dalam Isu Gaza," *Utusan Malaysia*, 25 Ogos 2014. <http://www.ikim.gov.my/index.php/2014/08/25/peranan-sains-dan-teknologi-septa-sainitis-di-dalam-isu-gaza/> (dicapai pada 17 Jun 2021).

Di samping jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti pertubuhan kerajaan mahupun bukan kerajaan, pemegang taruh, dan institusi pendidikan⁹⁸ sama ada di dalam Malaysia mahupun luar negara melalui penganjuran program, seminar dan wacana ilmu bersama IKIM.⁹⁹ Dengan ini, usaha pelestarian alam sekitar disepadukan secara meluas kepada masyarakat sebagai contoh melalui penganjuran kempen kesedaran *Ramadan Tanpa Pembaziran* pada 2019 yang melibatkan ramai pihak antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, SW Corporation Malaysia, badan pertubuhan bukan kerajaan alam sekitar dan institusi pengajian tinggi. Jaringan kerjasama tersebut merupakan mekanisme yang signifikan dalam memperkasakan insitusi masjid, mempromosikan budaya menghindari pembaziran makanan khususnya di bulan Ramadan di samping memupuk kesedaran alam sekitar.¹⁰⁰


Sebelum itu, IKIM di bawah kepimpinan Azizan Baharuddin terlebih dahulu mengadakan “Persidangan Meja Bulat Pengurangan Sisa Makanan: Ke Arah Kesepaduan Usaha Bersama” pada April 2019. Persidangan tersebut membincangkan tentang kerangka kerja dan perancangan kerjasama bagi merealisasikan pelestarian ke arah pengurangan sisa makanan melalui perbincangan pakar-pakar dari pelbagai

-
98. Jaringan kerjasama dari perspektif penyelidikan dan pengembangan ilmu antaranya dengan Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Kyoto Universiti, Institut Pengajian Islam Lanjutan (IAIS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
 99. Azizan Baharuddin, “Promoting Sustainable Solutions Case Study of Malaysia,” *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization*, Le Meridien Hotel, Jakarta, Indonesia, 7 Disember 2017. diakses daripada http://mucp-mfiit.org/wp-content/uploads/07.12.17-Session-5-Promoting-Sustainable-Solutions-MY-UNESCO-Jakarta_small2c.pdf (dicapai pada 20 Jun 2021).
 100. “Ramadan tanpa Pembaziran,” *Bernama*, disiarkan pada 29 April 2019, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/450076/ramadan-tanpa-pembaziran> (dicapai pada 25 Mac 2021).

bidang dan institusi seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), NGO *Grub Cycle*, dan Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIT) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).¹⁰¹ Beliau juga sering menyampaikan pengisian ilmiah di pelbagai jabatan, institusi dan agensi kerajaan serta swasta tentang isu perubahan iklim, kelestarian alam, serta topik sains dan Islam.¹⁰²

Selain itu, beliau turut meluaskan jaringan dengan komuniti tempatan agar dakwah pelestarian alam sekitar sampai kepada semua lapisan masyarakat seperti komuniti di Mukim Pasangan Kuala Selangor. Penglibatan beliau pada peringkat tempatan menggunakan pendekatan yang lebih efektif, iaitu secara teori dan praktikal di lapangan berasaskan konsep *translational research*.¹⁰³ Usaha ini membuahkan hasil apabila masyarakat mampu mengaplikasi amalan lestari dengan mewujudkan pusat kitar semula di masjid, meningkatkan kesedaran berkaitan kualiti air, flora dan fauna serta krisis alam sekitar serta melahirkan tingkah laku mesra alam dalam kalangan penduduk. Jelas, kepelbagaian pihak dalam mewujudkan jaringan kerjasama strategik dilihat suatu yang berimpak tinggi dan keberkesanan pelaksanaannya mampu menjamin perkembangan mesej pelestarian alam sekitar. Rajah 1 merumuskan bahawa aspek jaringan kerjasama strategik Azizan Baharuddin dalam usaha dakwahnya melestarikan alam sekitar.

-
101. Persidangan Meja Bulat Pengurangan Sisa Makanan: Ke Arah Kesepaduan Usaha Bersama, MREM, *Bernama*, 17 April 2019. <http://mrem.bernama.com/mrembm/viewnt.php?idm=6914> (dicapai pada 25 Mac 2021).
 102. Laporan Tahunan IKIM, “Bab 1: Penglibatan IKIM di Peringkat Nasional,” bagi tahun 2019. https://www.ikim.gov.my/wp-newest/wp-content/uploads/2020/11/IKIM_AR%202019.pdf (dicapai pada 26 Mac 2021).
 103. Zeeda Fatimah Mohamad et l. “Heartware in Integrated Watershed Management: Translational Research at Mukim Pasangan, Kuala Selangor.” Persidangan JSPS-ACP Comprehensive Symposium 4 (CS4), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Disember 2014. https://www.researchgate.net/publication/309427452_Heartware_in_Integrated_Watershed_Management_Translational_Research_at_Mukim_Pasangan_Kuala_Selangor (dicapai pada 4 Oktober 2021).




Rajah 1: Jaringan Kerjasama Azizan Baharuddin dalam Merealisasikan Dakwah Pelestarian Alam Sekitar
Sumber: Olahan Penyelidik Berdasarkan Hasil Dapatan

Berdasarkan perbincangan menunjukkan bahawa banyak pihak harus menyedari tentang krisis alam sekitar merupakan masalah global yang memerlukan perhatian semua, khususnya para pendakwah untuk mengetengahkan nilai intelektual dan etika Islam dalam pelestarian alam sekitar.¹⁰⁴ Dalam masyarakat Muslim, agama, spiritual, budaya dan dakwah memainkan peranan yang sangat signifikan dalam proses perubahan, pemulihan dan pembangunan masyarakat

104. Seyyed Hossein Nasr, "Islam and the Environmental Crisis," in *Islam and the Environment*, ed. A.R Agwan (Kuala Lumpur: Synergy Book International, 1997), 31.

dengan penelitian khusus terhadap aspek kelestarian alam sekitar melalui pendidikan dan latihan, kerjasama institusi, penghargaan terhadap kepelbagaian budaya tradisi, jalinan sosial dan pemerkasaan komuniti.¹⁰⁵ Bagi merealisasikan dakwah pelestarian yang membawa kepada pembangunan modal insan, perancangan dakwah dan strategi, kemahiran kepimpinan serta kerjasama bersepadu adalah amat perlu dalam mengembangkan kefahaman Islam terhadap nilai-nilai dalam agenda kelestarian, maqasid syariah, pandangan alam, budaya dan sejarah kepada masyarakat.¹⁰⁶ Sehubungan dengan itu, makalah ini merumuskan keperibadian pendakwah dan strategi dakwah yang sistematik menjana sebuah pendekatan dakwah pelestarian alam sekitar yang berkesan dan menyeluruh seperti dalam Rajah 2 yang berikut:



Rajah 2: Pendekatan Dakwah Pelestarian Alam Sekitar Azizan Baharuddin

Sumber: Olahan Penyelidik Berdasarkan Analisis Hasil Kajian

105. Bensaid, “On Islamic Dakwah and Sustainable Development,” 55.

106. Ibid., 48.

Penutup

Pendekatan dakwah pelestarian alam sekitar yang diaplikasikan oleh Azizan Baharuddin berasaskan pembudayaan ilmu dan jaringan kerjasama secara bersepadu. Pendekatan dakwah ini telah menyumbang kepada penyebaran dakwah pelestarian yang efektif lebih-lebih lagi melalui wacana ilmu, dialog, pelaksanaan program, karya penulisan, media cetak dan media massa yang berorientasikan sains agama dan alam sekitar. Keupayaan beliau menterjemahkan sains kelestarian menurut perspektif Islam dalam menjelaskan sesuatu isu berkenaan sains dengan agama sangat menginspirasi dan wajar diteladani oleh para pendakwah. Dengan itu, dakwah dilihat tidak hanya berlegar dalam kerangka ritual asas agama yang berkait dengan akidah, ibadah dan akhlak semata-mata, sebaliknya dakwah merangkumi pelbagai dimensi kehidupan termasuklah aspek kelestarian alam sekitar. Dakwah pelestarian alam sekitar begitu mustahak kerana kerosakan alam tidak mungkin dapat diatasi sepenuhnya dengan teknologi tertentu, sekiranya gaya hidup dan penerimaan masyarakat Muslim terhadap perubahan tingkah laku lestari tidak diamalkan. Bertitik tolak dalam hal ini, para pendakwah dan pemimpin agama harus berusaha menguasai pelbagai ilmu kontemporari, antaranya memahami isu alam sekitar secara jelas seperti kesan penggunaan produk plastik, kepentingan biodiversiti, perubahan iklim dan implikasinya. Hal ini yang demikian akan membantu memperkasakan usaha dakwah pelestarian sekitar sekali gus menyediakan pendakwah yang berkaliber dan holistik.

Rujukan

- Ab Abdul Karim Zaidan. *Islam dan Dakwah*. Terjemahan oleh Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2002.
- Abd al-Hamid, “Exploring the Islamic Environmental Ethics.” In *Islam and the Environment*, edited by A.R. Agwan, Kuala Lumpur: Synergy Book International, 1997.
- Abd Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md Yusoff. “Pengintegrasian Pendidikan Islam dengan Pendidikan Alam Sekitar di Sekolah: Analisis Terhadap Adaptasi Pendekatan Integrasi Kurikulum Holistik.” *Jurnal Usuluddin* 44, (2016): 117–139.
- Abd Aziz Rekan, Mohd Istajib Mokhtar dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. “Aplikasi Maqasid al-Shariah dalam Pendidikan Alam Sekitar berasaskan Opsikologi: Pengalaman Malaysia dan Indonesia serta Refleksinya di Peringkat Global,” dalam *Islam dan Ketamadunan Melayu: Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat*, disunting oleh Mohd Roslan Mohd Nor dan Khadher Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014.
- Ali Akbar Zubaidi. “Dakwah Pelestarian Lingkungan Hidup oleh Tuan Guru Haji Hasanain Juaini di Narmada–Lombok.” *Disertasi Sarjana Program Studi Komunikasi dan Penyiaran Islam*, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2019.
- Asmaji. “Ekologi Dakwah di Kampung Nelayan Pantai Utara Pati Jawa Tengah Indonesia.” *Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.
- Asmawati Muhamad, Abdul Halim Syihab dan Abdul Halim Ibrahim. “Preserving Human-Nature’s Interaction for Sustainability,” *Science and Engineering Ethics*, 26, (2020) <https://doi.org/10.1007/s11948-020-00192-7>.
- Asmawati Muhamad, Zulkifli Mohd Yusof, Sumiani Yusoff, Roslan Mohd Nor, Zeeda Fatimah Mohamad, Muhammad Alihanafiah Norasid, Nurul Husna Mansor dan Nur Shahidah Paad. “Transforming The Role of Surau APIUM for Campus Sustainability through Imarah Green Project.” In *Transforming Research into Action*, edited by

- Sumiani Yusoff, Kuala Lumpur: Sustainability Science Research Cluster, 2018.
- Azizan Baharuddin. “Kewajaran Mewujudkan Mata Pelajaran Pendidikan Alam Sekitar Secara Berasingan dalam Kurikulum Pembelajaran.” *Persidangan Meja Bulat: Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar: Penelitian dan Pemantapan Modul dan Kurikulum Menerusi Pendekatan Agama*,” IKIM, Kuala Lumpur pada 2 November 2013, dicapai pada 15 November 2019 secara fizikal di Bahagian Bahan Persidangan, Perpustakaan IKIM, Kuala Lumpur.
- _____. “Sustainable Development in the Spiritual Context as a Denominator for an Asian-Arab Philosophical Dialogue.” In *Asian-Arab Philosophical Dialogues on Culture of Peace and Human Dignity*, edited by Darryl R. J. Macer, UNESCO Bangkok, 2011.
- Bensaid, Benaouda. “On Islamic Da ‘Wah and Sustainable Development.” *World Journal of Islamic History and Civilization* 3, no. 2 (2013): 52.
- Dwi Astuti. “Strategi Dakwah dalam Pelestarian Lingkungan Hidup”, *SUHUF*, Vol. 18, no. 1, (2006): 49–62
- Fachruddin Majeri Magunjaya. “Developing Environmental Awareness and Conservation Through Islamic Teaching.” *Journal of Islamic Studies* 22, (2011): 36–49.
- _____. “Kerusakan Lingkungan: Epistemologi Sains Islam dan Tanggungjawab Manusia.” *Jurnal Teologia* 26, no.1, (2015): 58–72.
- Fachruddin Majeri Magunjaya dan Gugah Praharawati. “Fatwas on Boosting Environmental Conservation in Indonesia.” *Religions* 10, 570 (2019): 1–14.
- Fajar Hardoyono. “Menggagas Dakwah Penyelamatan Lingkungan”, *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 3, no. 1, (2009): 20–36.
- Foltz, Richard. “Islamic Environmentalism: A Matter of Interpretation.” In *Islam and Ecology A Bestowed Trust*, edited by Richard C. Foltz, Frederick M. Denny dan Azizan Baharuddin Cambridge: Harvard University Press, 2003, 252.

- Gade, Anna M. “Tradition and Sentiment in Indonesian Environmental Islam.” *Worldviews: Global Religions, Culture, and Ecology* 16, no. 3 (2012): 275
- Georgetown University Qatar. “Seyyed Hossein Nasr on Islam and the Preservation of the Natural Environment.” Centre for International and Regional Studies, <https://cirs.qatar.georgetown.edu/event/seyyed-hossein-nasr-islam-and-preservation-natural-environment/> dicapai pada 1 Mac 2021.
- Herdis Herdiansyah, Trisasono Jokopitoyo, and Ahmad Munir. “Environmental Awareness to Realizing Green Islamic Boarding School (Eco-Pesantren) in Indonesia.” *IOP Conf. Series: Earth and Environmental Science* 30 (2016): 1–7. doi:10.1088/1755-1315/30/1/012017.
- Jumarddin, La Fua dan Ismail Suardi Wekke. “Islam dan Konservasi: Pendekatan Dakwah dalam Pelestarian Lingkungan.” *Al-Tahrir* 17, no. 2, (2017): 411–432.
- Mahadi Abu Hassan dan Khadijah Mohd Khambali. “Pengislaman Sains dan Pengaruhnya dalam Peradaban: Respons Ilmuwan Muslim Terpilih.” (Islamization of Science and Its Influence on Civilization: What Say the Muslim Scholars?) *Journal of Human Capital Development* 6, no. 1, (2013): 133–150
- Maisarah Hasbullah. “Respons Pemikir Islam Terhadap Modeniti: Wacana Sains Islam sebagai Kajian Kes di Malaysia.” *Tesis Doktor Falsafah*, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, 2012.
- Mashitah Yaacob, Zubaidah Mohd Nasir, W.Syairah Hazwani W. Petera, Hassan Basri, Iknor Azli Ibrahim, Mohd Yusof Othman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Azami Zaharim dan Mazlin Mokhtar. “Transformation of Muslim Behaviour towards Sustainable Environment: Perspectives of NGOs in Klang Valley.” *Akademika* 87, no. 2, 2017: 19–30.
- Mohd Khairul Ridhwan Adhha Akhbar, M. Fakhurrhazi Ahmad dan Rohaiza Rokis. *Laskar Alam: Modul Pembangunan Kelestarian Alam*. Kuala Lumpur: IAIS, 2019.

- Nur Asyikin Hamdan, Nazri Muslim dan Abdul Latif Samian. "Sumbangan dan Peranan Azizan Baharuddin dalam Kelestarian dan Agama." *MALIM Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 18, (2017): 20–29.
- Shazny Ramlan. "Religious Law for the Environment: Comparative Islamic Environmental Law in Singapore, Malaysia, and Indonesia." *NUS Centre for Asian Legal Studies Working Paper* 19, no.3, 2019. [http://law.nus.edu.sg/wps/WorkingPaper19, no.3, 2019](http://law.nus.edu.sg/wps/WorkingPaper19no3).
- Sunata, Ivan. "Konsep Dakwah dalam Memelihara dan Pemberdayaan Masyarakat di Sekitar Hutan (Studi Kasus di Kabupaten Kerinci)." *Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 2, no. 2, (2017): 44–57.
- Seyyed Hossein Nasr, "Islam and the Environmental Crisis." dalam *Islam and the Environment*, edited by A.R Agwan. Kuala Lumpur: Synergy Book International, 1997.
- Torabi, Maryamossadat, and Seyed Masoud Noori. "Religious Leaders and the Environmental Crisis, Using Knowledge and Social Influence to Counteract Climate Change." *World Council of Churches*, (2019): 344–356.
- Wijaya, Baiquni, dan Bakti Setiawan. "Pengelolaan Lingkungan Berbasis Kemitraan Pesantren dan Masyarakat di Pesantren Ilmu Giri, Kabupaten Bantul." *Majalah Geografi Indonesia*, Vol. 29, no. 1, (2015): 80–94.
- Zaini Ujang dan Zulkifli Mohd Yusoff. *40 Hadis Pelestarian Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), 2020.
- Zeeda Fatimah Mohamad, Azizan Baharuddin, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Siti Norasiah Abd Kadir, Affan Nasaruddin, Mohd Noor Musa, Benjamin Ong Sia Ming, Nobumitsu Sakai dan Nik Meriam Nik Sulaiman. "Heartware in Integrated Watershed Management: *Translational Research at Mukim Pasangan, Kuala Selangor*." (Persidangan JSPS-ACP Comprehensive Symposium 4 (CS4), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Disember 2014). https://www.researchgate.net/publication/309427452_Heartware_in_Integrated_Watershed_Management_Translational_Research_at_Mukim_Pasangan_Kuala_Selangor (dicapai pada 4 Oktober 2021).